

30 MAR 2001

Mahathir-Gaji

GAJI DITINGKATKAN MENGIKUT JUMLAH CUKAI YANG DIKUTIP, KATA MAHATHIR

SEREMBAN, 30 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata gaji kakitangan kerajaan akan ditingkatkan mengikut jumlah cukai yang dapat dikutip oleh kerajaan.

Katanya, kutipan cukai dapat ditingkatkan jika kakitangan melaksanakan tugas dengan cepat dan cekap dalam urusan mereka dengan pihak swasta kerana keuntungan pihak swasta itu akan dikembalikan kepada kerajaan dalam bentuk cukai.

"Kalau kita lebih cekap dalam menguruskan kerja-kerja, mempercepatkan segala proses, pihak swasta dapat lebih banyak keuntungan dan kerajaan dapat lebih banyak cukai.

"Daripada cukai ini bolehlah kita bayar gaji, yang akan ditingkatkan mengikut jumlah cukai yang kita kutip," katanya ketika berucap pada majlis jamuan malam bersama kakitangan kerajaan dari Negeri Sembilan di Hotel Hilton di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata, kerajaan mahu kakitangannya mendapat pendapatan yang lebih tinggi tetapi kerajaan tidak boleh hanya menaikkan gaji mereka sehingga menjadi tidak mampu, dan terpaksa pula berhutang.

Kira-kira 900 orang terdiri daripada kakitangan kerajaan peringkat negeri dan persekutuan serta badan bukan kerajaan (NGO) menghadiri jamuan malam itu.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga tidak dapat menaikkan gaji kakitangannya sehingga tidak dapat melaksanakan projek-projek pembangunan kerana ia juga akan menimbulkan masalah.

"Rakyat akan marah kerana mereka tak dapat kemudahan infrastruktur seperti jalan, klinik, sekolah dan sebagainya," katanya.

Dr Mahathir berkata, hasil yang diperolehi oleh kerajaan mesti ditadbir dan diagih secara cermat dengan memperuntukkan sebahagian daripadanya untuk membayar gaji dan sebahagian lagi untuk membiayai projek-projek penting bagi Malaysia.

"Kalau kita tak ada projek-projek ini, negara kita tidak dapat dibangunkan, kalaulah kita dapat bekerja kuat, prestasi dan produktiviti kita juga tinggi, insya-Allah negara akan jadi lebih kaya dan kerajaan dapat pungut lebih banyak cukai dan dengan cukai inilah kita bayar gaji," katanya.

Perdana Menteri berkata, tindakan melambat-lambatkan urusan dengan pihak swasta, kadang-kadang mengambil masa sehingga berbulan-bulan atau bertahun bukan sahaja akan melewatkan projek-projek swasta malah akan mengakibatkan mereka menanggung kerugian.

"Bila mereka rugi, kerajaan tidak dapat pungut cukai. Kerajaan suka melihat swasta untung. Lebih banyak untung lebih baik.

"Kerana 28 peratus keuntungan mereka itu adalah milik kerajaan sebagai cukai korporat, selain daripada cukai ke atas pekerja syarikat," katanya.

Katanya, kutipan cukai yang dibuat oleh Malaysia mempunyai keistimewaan tersendiri kerana tidak semua negara membangun yang mencapai kemerdekaan sama dengannya mampu untuk mengutip cukai secukupnya untuk membayar gaji kakitangan dan membangunkan negara.

"Mereka terpaksa meminta bantuan dan hutang dari negara lain.

"Saya bersyukur kerana saya tak gemar untuk pergi meminta daripada orang lain. Kita dapat bangun dan tadbir negara dengan duit kita sendiri," katanya.

Dr Mahathir berkata, semasa kegawatan ekonomi yang lepas, Malaysia

tidak meminjam wang daripada luar sebaliknya melaksanakan langkah-langkah sendiri untuk memulihkannya sedangkan negara lain terpaksa berhutang termasuk dari Dana Kewangan Antarabangsa (IMF).

Tindakan yang diambil oleh Malaysia itu katanya bermakna: "Kita menjaga maruah dan menjaga kebebasan sendiri."

Perdana Menteri berkata, jika sesebuah negara berhutang daripada negara asing, ia akan terhutang budi dengan negara berkenaan dan tidak lagi bebas untuk berbuat apa sahaja mengikut kemahuannya sendiri.

Dr Mahathir turut meminta rakyat khususnya kakitangan kerajaan supaya berbelanja secara cermat untuk menguatkan ekonomi negara kerana dengan berbuat demikian mereka akan membantu pihak lain mendapat keuntungan dan kerajaan pula dapat memungut cukai.

Jika mereka menabung, wang itu harus disimpan di bank dan bukannya di bawah bantal kerana wang dalam bank boleh dilaburkan untuk menggerakkan ekonomi negara.

Langkah kerajaan untuk menurunkan potongan caruman Kuampulan Wang Simpanan Pekerja sebanyak dua peratus adalah untuk menggalakkan rakyat untuk berbelanja dan membantu ekonomi negara, tambahnya.

-- BERNAMA

AFY RI